

Serrata Tablets 10mg

Serratiopeptidase 10 mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Serrata*
2. Bagaimana *Serrata* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Serrata*
4. Cara menggunakan *Serrata*
5. Semasa menggunakan *Serrata*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Serrata*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Serrata*

Tablet *Serrata* mengandungi serratiopeptidase sebagai bahan aktif. Ia digunakan dalam keadaan berikut:

- Sebagai terapi anti-radang bengkak inflamasi dan pembentukan nanah, dengan tambahan kepada antibiotik atau pembedahan, atau digunakan secara bersendirian.
- Keradangan selepas pembedahan atau kecederaan.

Keradangan dalam penyakit-penyakit berikut:

Dalam Otorinolaringologi:
Sinusitis (radang sinus)

Dalam bidang pergigian:

Pericoronitis (keradangan di sekitar akar) gigi bongsu atau pembentukan nanah pada gigi yang lain, apabila pembedahan tidak mungkin dapat dilakukan atau digalakkan.

Dalam ginekologi:

Bengkak payudara dan rasa tidak selesa pada awal, selepas tempoh penyusuan, disebabkan kerana pengumpulan susu.

Dalam Urologi:

Dalam sistitis (jangkitan pundi kencing) sebagai tambahan kepada terapi antibiotik.

Bagaimana *Serrata* berfungsi

Serrata bertindak dengan melarutkan fibrin, mengurangkan keradangan, mengurangkan edema dan menyahaktifkan Bradikinin (Faktor bertanggungjawab untuk keradangan). Ia dapat meningkatkan penyerapan antibiotik dan agen sitostatik pada tisu.

Sebelum menggunakan *Serrata*

Bila tidak boleh menggunakan

Hipersensitiviti kepada *Serratiopeptidase* atau mana-mana bahan tidak aktif.

Ulser gastrik berlaku di saluran penghadaman atas.
Pada bayi dan kanak-kanak.

Mengandung dan laktasi

Pesakit perlu berjumpa doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan *Serrata* pada wanita hamil atau wanita yang disyaki mengandung.

Sebelum menggunakan *Serrata*

Berbincang dengan ahli farmasi atau doktor anda:
Jika anda hamil atau menyusu bayi.

Kehamilan dan penyusuan:

Glypride tidak boleh digunakan ketika mengandung atau jika anda menyusu susu bayi.

Pastikan doktor anda tahu jika anda meysusu, hamil, atau rasa anda mungkin hamil. Doktor anda mungkin ingin anda menggunakan insulin pada waktu ini.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Penggunaan serentak dengan antikoagulan akan meningkatkan reaksi. Gabungan tersebut hendaklah digunakan di bawah penyeliaan perubatan yang teliti..

Cara menggunakan *Serrata*

Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos

terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan *Serrata* yang berlebihan tidak membawa kepada situasi yang mengancam nyawa

Semasa menggunakan *Serrata*

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Serrata*.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *Serrata* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Serrata Tablets 10mg

Serratiopeptidase 10 mg

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Serrata boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

- Ketidakelesaian perut dan usus, loya, muntah-muntah dan cirit-birit.
- Tindak balas hipersensitiviti, seperti ruam kulit, kulit kemerahan, urtikaria, gatal-gatal, begitu juga sesak nafas dan bengkak.
- Enzim hati meningkat (SGOT, SGPT, ALP, γ -GT), penyakit kuning dan hepatitis, kulit yang teruk (Stevens-Johnson-Syndrome, Lyell-sindrom), gangguan pernafasan (Löffler-Syndrome, pneumonitis) dan kejutan (tekanan darah yang sangat rendah).

Jika mana-mana kesan sampingan semakin serius, atau jika anda perasan sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda berasa kurang sihat semasa pengambilan ubat ini, walaupun anda fikir tidak berkaitan dengan ubat.

Jangan bimbang dengan senarai ini kesan sampingan. Anda mungkin tidak akan mengalami sebarang kesan sampingan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web www.npra.gov.my (*Consumer Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines AEFI*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Serrata

Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat anda selepas tarikh luput yang dinyatakan pada pek selepas 'EXP'. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Dwicembung tablet bersalut enterik berwarna putih dan bulat

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

- *Serratiopeptidase*

Bahan tidak aktif

Lactose monohydrate, Maize starch, Light magnesium carbonate, Sodium starch glycollate, magnesium stearate, Opadry White, Opadry Enteric White.

Nombor MAL:

MAL16045027X

Pengilang

Kusum Healthcare Pvt. Ltd.
SP 289(A), RIICO Industrial Area,
Chopanki, Bhiwadi (Raj.),
India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pahang Pharmacy Sdn Bhd,
Lot 5979 Jln Teratai,
5 1/2 Miles Off Jalan Meru, 41050
Klang, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

27/08/2019